

1 MAR 1996

ASEM-Bermula

MESYUARAT ASEM BERMULA DENGAN UPACARA WARNA-WARNI

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

BANGKOK, 1 Mac (Bernama) -- Mesyuarat pertama Asia-Eropah (ASEM), satu perjumpaan 25 negara dari dua benua bermula hari ini dalam satu upacara warna-warni dan penuh istiadat di pusat konvensyen Queen Sirikit (QSNCC) di sini.

Mesyuarat bersejarah ASEM, yang dihadiri 10 pemimpin negara Asia Tenggara dan 15 pemimpin Eropah itu serta wakil Suruhanjaya Eropah (EC) merupakan acara antarabangsa terbesar yang dianjurkan Thailand dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Ketibaan para pemimpin di pusat itu, sebuah bangunan besar modern di tengah-tengah bandar dengan penduduk berjumlah enam juta ini, disambut oleh Perdana Menteri Banharn Silpa-Archa.

Asia diwakili oleh ketua-ketua negara dari tujuh anggota Asean, China, Korea Selatan dan Jepun sementara Eropah diwakili oleh para pemimpin dari 15 negara anggota Kesatuan Eropah (EU).

Jalan-jalan menghala ke QSNCC ditutup kepada lalulintas pagi ini untuk melancarkan perjalanan rombongan berkereta para pemimpin ke tempat persidangan dengan pengawal-pengawal keselamatan ditempatkan di kawasan-kawasan strategik.

Jalan-jalan kosong kerana penutupan itu jauh berbeza dengan keadaan bandar ini yang lebih dikenali sejak dulu lagi dengan kesesakan lalulintasnya.

Thailand mengisytiharkan cuti umum dua hari bermula semalam memberikan rakyat Thai cuti panjang hujung minggu selama empat hari untuk menggalakkan mereka bercuti di luar dari bandar ini, satu langkah bertujuan mengurangkan keadaan kesesakan lalulintas.

Bagaimanapun aktiviti berhampiran dan di dalam kawasan QSNCC dikawal ketat dan para wartawan tempatan serta antarabangsa ditempatkan di sebuah pusat akhbar sementara yang dibina khusus di kawasan belakang kompleks itu.

Hanya petugas televisyen dan para jurugambar dibenarkan berada di dalam dewan konvensyen untuk upacara perasmian sementara para wartawan hanya mengikuti upacara itu melalui sistem televisyen litar tertutup di pusat akhbar.

Selepas majlis bergambar, Banharn mengetuai para pemimpin lain ke atas pentas di dalam dewan untuk majlis perasmian disambut tepukan para hadirin. Tempat duduk para pemimpin tidak dikhaskan mengikut susunan tertentu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diapit oleh Perdana Menteri Luxembourg Jean-Claude Juncker dan Perdana Menteri Portugal Antonio Manuel de Oliveira Guterres.

Pemangku Menteri Luar Datuk Abu Hassan Omar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz merupakan antara hadirin di dalam dewan itu, sebuah bangunan indah yang menggabungkan hasil senibina terbaik tradisional dan modern Thai.

Banharn memulakan upacara dengan ucapan selama 30 minit diikuti oleh Lamberto Dini, Perdana Menteri Italy yang kini memegang jawatan presiden EU dan Jacques Santer, presiden EC. Santer sendiri menjadikan jumlah peserta sidang kemuncak itu sebanyak 26.

EU mengadakan hubungan luar ekonomi melalui EC, terutama melalui naib presiden EC dan Pesuruhjaya Perdagangan Sir Leon Brittan.

Selepas majlis itu, para pemimpin berkenaan menghadiri satu perbincangan tertutup pertama daripada tiga sesi yang dijadualkan tanpa diiringi oleh para menteri.

Petang ini, para pemimpin dan isteri masing-masing akan menghadap Raja Bhumibol Adulyadej sebelum menghadiri majlis makan malam yang diraikan oleh Banharn di Rumah Kerajaan.

Selepas sesi terakhir perbincangan khusus di kalangan para pemimpin itu esok, mereka akan disertai oleh para menteri negara masing-masing untuk sesi rumusan.

Dr Mahathir dijangka menghadiri jamuan malam yang diraikan oleh Duta Besar Malaysia ke Thailand Datuk Syed Ariff Fadzillah Syed Awaluddin esok dan menyampaikan ucapan dasar pada majlis dialog para pemimpin perniagaan Asia pada Ahad sebelum berlepas pulang pada hari yang sama. -- BERNAMA

MAM RON